



**PERATURAN PERMAINAN PETANQUE**  
**KARNIVAL SUKAN STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**  
**( KARiSTA UiTM )**

## **1.0 PERATURAN PERTANDINGAN**

Pertandingan ini dijalankan mengikut Peraturan Rasmi Antarabangsa yang digubal pada tahun 1984 oleh FIPJP iaitu sebuah pertubuhan yang di kawal selia di Kongres Geneve dan Peraturan-Peraturan Am Karnival Sukan Staf (KARiSTA) UiTM.

Sekiranya terdapat perselisihan dari segi pentafsiran undang-undang permainan, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan menjadi rujukan.

## **2.0 JENIS PERTANDINGAN**

Pertandingan dijalankan secara **INDIVIDU**.

## **3.0 FORMAT PERTANDINGAN**

### **3.1 Pertandingan Individu**

3.1.1 Seorang pemain dibenarkan bermain dalam satu acara sahaja.

3.1.2 Acara yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- 3.1.2.1 Perseorangan Lelaki
- 3.1.2.2 Perseorangan Wanita
- 3.1.2.3 Bergu Lelaki
- 3.1.2.4 Bergu Wanita
- 3.1.2.5 Bergu Campuran

- Sebarang gantian tidak dibenarkan selepas perlawanan dimulakan.

## **4.0 PAKAIAN**

- 4.1 Pemain-pemain hendaklah memakai pakaian seragam pasukan masing-masing.
- 4.2 Hanya kasut sukan dibenarkan di dalam gelanggang.
- 4.3 Pengelola Pertandingan tidak akan memberangkan pemain-pemain menyertai pertandingan sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.

## **5.0 SISTEM PERTANDINGAN**

- 5.1 Pertandingan pusingan pertama akan dijalankan secara **LIGA BERKUMPULAN** bagi acara individu.
- 5.2 Bagi pusingan seterusnya, akan dijalankan secara format kalah singkir.
- 5.3 Pertandingan akan dijalankan dengan format permainan bermasa dan akan dijalankan selama 1 jam tambahan 1 end.
- 5.4 Perlawanan tamat pada skor 13 atau tamat had masa selama 1 jam tambahan 1 end . Jika masa telah tamat, pasukan yang memperolehi skor tertinggi dikira

pemenang. Jika skor seri, tambahan 1 end diberi sehingga terdapat mana-mana satu pasukan memperolehi mata tambahan.

## **6.0 PEMAIN PILIHAN (RANKING)**

- 6.1 Pemain-pemain yang pernah mewakil UiTM di dalam kejohanan jemputan akan diberi keutamaan sebagai pemain pilihan (seeded player).
- 6.2 Pemain-pemain yang pernah mewakili negeri atau Negara atau mempunyai rekod cemerlang juga akan diberi keutamaan.

## **7.0 KELEWATAN**

- 7.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.
- 7.2 Masa selama 15 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

## **8.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN**

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai, keadaan cuaca buruk, kekacauan atau kerana hal-hal tidak dijangkakan dan perlawanan tidak dapat dimainkan atau diteruskan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada, tempat dan masa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

## **9.0 UNDIAN**

Undian akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan.

## **10.0 BANTAHAN**

Sila rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am.

## **11.0 JURI RAYUAN**

Sila rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am.

## **12.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan KARiSTA UiTM yang berkenaan dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.